

SOALAN NO: 267

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN LOKE SIEW FOOK

SOALAN:

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik terperinci jumlah pekerja yang diberhentikan kerja oleh majikan mereka (*retrenchment*) dalam sektor pembuatan mengikut pecahan negeri sepanjang tahun 2016.

PR-1343-T76901

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

1. Tindakan pemberhentian pekerja adalah kesan dari ketidakstabilan pasaran ekonomi nasional dan global yang didorong oleh pengukuhan matawang Dollar Amerika Syarikat menyusutkan nilai Ringgit Malaysia (RM) telah mempengaruhi keseimbangan pasaran tenaga kerja negara. Dalam masa yang sama, berlakunya

kejatuhan harga minyak mentah dunia juga telah memburukkan lagi isu pemberhentian pekerja ini.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia, jumlah pemberhentian pekerja bagi bulan Januari sehingga September 2016 adalah 31,476 orang yang melibatkan 14,425 (45.8%) pemberhentian sukarela (VSS) dan 17,051 (54.2%) pemberhentian biasa.

3. Perbandingan mengikut sektor menunjukkan pemberhentian tertinggi berlaku dalam sektor Pembuatan sebanyak 13,596 (43.2%), diikuti oleh sektor Perdagangan Borong dan Runcit sebanyak 7,383 (23.5%) dan sektor Kewangan dan Insuran sebanyak 4,424 (14%).

4. Perincian pekerja yang diberhentikan kerja dalam sektor pembuatan sepanjang tahun 2016 seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1 : Pemberhentian Pekerja Sektor Pembuatan Yang Dilaksanakan Mengikut Negeri Dan Jenis, Mulai Januari hingga September 2016

NEGERI	PEMBERHENTIAN BIASA	PEMBERHENTIAN SUKARELA (VSS)	JUMLAH PEKERJA DIBERHENTIKAN
Pulau Pinang	2,143	1,552	3,695
Johor	2,971	108	3,079
Negeri Sembilan	2,487	0	2,487
W.P Kuala Lumpur	1,454	453	1,907
Selangor	840	410	1,250
Perak	542	104	646
Sabah	289	0	289
Melaka	100	16	116
Pahang	72	0	72

Terengganu	24	0	24
W.P Labuan	12	2	14
Sarawak	6	0	6
Kedah	6	0	6
Kelantan	3	2	5
Perlis	0	0	0
W.P Putrajaya	0	0	0
JUMLAH	10,949	2,647	13,596

Sumber : *Labour Market Database (LMD)*, JTK

5. Perbandingan mengikut negeri menunjukkan pemberhentian tertinggi dalam sektor pembuatan berlaku di negeri Pulau Pinang sebanyak 3,703 (27.2%), diikuti oleh negeri Johor sebanyak 3,079 (22.6%) dan Negeri Sembilan sebanyak 2,487 (18.3%).

6. Berdasarkan rekod dari JTK terdapat beberapa sebab yang mendorong pihak majikan sektor pembuatan mengambil tindakan pemberhentian pekerja. Sebab-sebabnya adalah seperti berikut:

- (i) ketidakstabilan pasaran ekonomi nasional dan global;
- (ii) tiada permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan;
- (iii) pemaksimaan teknologi dan mesin;
- (iv) penutupan perniagaan sepenuhnya/sebahagian;
- (v) pengecilan tenaga kerja; dan
- (vi) pengambilalihan syarikat.

Tuan Yang Di Pertua,

7. Tindakan pemberhentian hendaklah sentiasa menjadi pilihan terakhir (*last resort*) dan akan hanya dilakukan sekiranya tiada pilihan lain dapat diambil bagi tujuan memperkemas operasi dan perjalanan perniagaan oleh mana-mana organisasi majikan. Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengambil tindakan yang drastik berhubung isu pemberhentian pekerja dengan menubuhkan Pusat Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja Peringkat Nasional (POPPK). Pusat operasi di peringkat negeri juga telah ditubuhkan bagi menjalankan pemantauan secara rapi dan proaktif bagi memastikan hak-hak pekerja terjamin dan kebajikan tidak diabaikan.